

Topik 7: Empat binatang mati

Kebanyakan negara tidak akan berdiri teguh selamanya, tetapi apabila kita melihat pada negara- negara yang selalunya mempunyai ramai rakyat, kita sedar bahawa negara itu tidak mudah jatuh.

Jadi apabila Daniel melihat singa yang bersayap itu, dia tahu bahawa singa yang bersayap itu melambangkan Babylon. (Apabila kita melihat karya seni di Babylon, kita dapati bahawa lukisan singa yang bersayap ada di mana- mana). Dan apabila dia melihat beruang yang mempunyai tiga tulang rusuk di mulutnya, dia tahu bahawa binatang itu melambangkan Persia (Kerana Persia telah menakluk tiga kerajaan terpenting). Dan Daniel tahu bahawa harimau bintang berkepala empat itu bermaksud kerajaan Alexander the Great akan berpecah menjadi empat bahagian. Bagaimana? Malaikat telah menjelaskan kepadanya dalam penglihatannya yang seterusnya iaitu dalam buku Daniel bahagian 8.

Dan walaupun Daniel tidak pernah mendengar kerajaan Roma (ia adalah kuasa yang tidak penting pada zamannya), nubuatan yang diberikan kepada dia mendedahkan banyak perkara mengenai kerajaan Roma. Nubuatan itu menunjukkan bahawa dia akan menakluki Yunani, banyak menggunakan peralatan besi, membunuh Mesias, dan akan terpecah menjadi sepuluh kerajaan. Dia melihat bahawa kerajaan yang ke- sebelas merupakan kerajaan keagamaan- kerajaan itu tidak besar tetapi mempunyai kuasa yang sangat hebat- sehinggalah mereka akan mengubah hukum Allah dan menganiaya umat Allah.

Akhirnya, Daniel ditunjukkan bahawa kuasa ini akan memerintah lebih dari dua belas abad. Jadi sekarang, senang untuk kita tahu bahawa yang dimaksudkan itu adalah kuasa kepausan.

Dalam siri ini, kita akan lihat bagaimana empat binatang ini akhirnya mati.

Binatang-binatang yang lain dicabut kekuasaannya, tetapi hidup mereka diperpanjang sampai pada waktu dan masanya. (Daniel 7:12)

Dalam erti kata lain, apabila Babylon kehilangan kuasa untuk memerintah dunia, kerajaan ini tidak wujud lagi. (Pada zaman dahulu, Babylon itu terletak di Iraq). Dan walaupun Persia ditawan, rakyatnya kekal sehingga kini, iaitu orang Iran. Apabila Grecia jatuh ke tangan Roma, orang Grecia (Yunani) tetap menetap disana. Grecia dan Macedonia masih lagi wujud

sehingga kini. Apabila paus ditawan, paus itu masih lagi mempunyai kardinal dan imam. Sekarang dia mempunyai kerajaan kecil (yang berkeluasan kira-kira 100 ekar).

Daniel melihat bahawa kerajaan-kerajaan ini akan bertahan lama, tetapi tidak selamanya. Apakah yang akan terjadi kepada mereka?

Binatang-binatang besar yang empat ekor itu adalah empat raja yang akan muncul dari dalam bumi. Namun, orang-orang kudus kepunyaan Yang Mahatinggi akan menerima pemerintahan dan memegang pemerintahan itu selama-lamanya, bahkan kekal selama-lamanya. (Daniel 7:17, 18)

Jadi orang-orang kudus akan menerima kerajaan itu. Bila? Selepas keputusan penghakiman keluar untuk menghukum orang jahat di dunia.

sampai Yang Lanjut Usianya datang, dan memberikan keadilan kepada orang-orang kudus milik Yang Mahatinggi, dan tibalah waktunya bagi orang-orang kudus itu memegang kerajaan. Pemerintahan, kekuasaan, dan kemuliaan dari kerajaan-kerajaan di bawah kolong langit akan diserahkan kepada orang-orang kudus milik Yang Mahatinggi. Pemerintahan mereka adalah pemerintahan yang kekal, segala kekuasaan akan melayani dan taat kepada mereka (Daniel 7:22, 27)

Ini sungguh adil! Mereka yang dibenci dan dianiaya (seperti kebanyakan nabi) akan diberi hadiah iaitu kuasa ke atas bumi yang telah menganiaya mereka sebelum ini.

Saya mahu menjadi sebahagian daripada mereka yang menang itu. Bagaimana pula dengan anda?

Satu pendapat terakhir. Negara-negara tidak akan bangkit lagi- hanya manusia yang akan bangkit. Itulah sebabnya kerajaan-kerajaan dihukum di bumi dengan bencana, masalah, peperangan, dan lain-lain. Para nabi sering mengatakan tentang penghakiman atas negara-negara ini. Jika kita membuka mata kita, kita akan melihat penghakiman ke atas kerajaan-kerajaan di dunia sepanjang zaman.

Dalam siri yang seterusnya kita akan lihat isu kritikal bagi orang Melayu: iaitu persoalan yang berkaitan dengan undang-undang agama.